

28/08/2000

ISNA tidak faham budaya Malaysia

Mior Kamarul Shahid

TINDAKAN Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) menarik balik jemputan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk berucap dalam kongres persatuan itu di Rosemont, Illinois, Amerika Syarikat awal bulan depan, samalah seperti perangai budak-budak. Ia langsung tidak melambangkan kematangan berfikir. Sepatutnya mereka menerima kehadiran Dr Mahathir dengan baik. Mereka sepatutnya menggunakan peluang itu untuk berdebat dengan Perdana Menteri jika ada perkara yang terbuku di hati. Selepas itu, barulah mereka boleh mengambil pendirian sendiri. Sekarang, peluang itu terus tertutup. Nak memanggil semula Dr Mahathir tentulah ia akan menjatuhkan kewibawaan mereka sendiri.

Apakah yang mereka faham mengenai kebebasan bersuara dan meluahkan pendapat? Tentulah tidak semua ahli ISNA yang bersetuju dengan tindakan itu. Mungkin ada antara mereka yang mengharap kehadiran Dr Mahathir. Tetapi, disebabkan ada kalangan pemimpin persatuan itu yang terpengaruh dengan hasutan segelintir rakyat negara ini berhubung hukuman yang dikenakan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, maka mereka membuat keputusan menarik balik jemputan kepada Dr Mahathir.

Sebagaimana jemputan orang kenduri kahwinlah juga. Jika tidak dijemput, buat apa nak menyorong muka. Dr Mahathir pun tidak hairan dengan apa yang berlaku. Mereka lupa banyak lagi majlis diadakan di seluruh dunia menjemput Dr Mahathir. Malah, ramai pemimpin dunia yang memihak kepada Dr Mahathir. Kalau setakat satu persatuan yang menunjukkan sikap 'buruk siku', ia tidak sedikit pun menggambarkan pendapat umum.

Seorang rakan yang pernah menetap di Amerika dan kebetulan berada di negara ini menyatakan bahawa ISNA hanya mahu mencari publisiti murahan. Tidak ada sebab rakyat Malaysia perlu berkecil hati dengan sikap persatuan itu kerana banyak lagi persatuan Islam yang lebih berpengaruh menyokong kepemimpinan Dr Mahathir. Apa yang jelas, ISNA tidak faham mengenai keputusan undang-undang. Hukuman yang dijatuhkan ke atas Anwar tidak ada sedikit pun kaitannya dengan Dr Mahathir. Ia adalah keputusan mahkamah.

Di mahkamah, sering kita dengar orang yang didakwa, tidak mengaku salah atas perbuatan mereka. Malah, orang yang terang-terang ditangkap ketika melakukan kesalahan jenayah juga, apabila dibicarakan, tidak mengaku salah. Ini adalah perkara biasa untuk membenarkan mereka membela diri. Tetapi, ramai antara mereka yang tidak mengaku salah, tetapi setelah perbicaraan dijalankan, hakim mendapati mereka bersalah. Disebabkan mereka tidak mempunyai pengaruh, tidak ada orang yang mahu berjuang terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Rasanya, ramai peguam di negara ini mengikuti perkembangan bidang kehakiman dan perundangan di negara ini. Kalau mereka tidak yakin dengan proses kehakiman di negara ini, pastinya mereka tidak mahu lagi bergiat dalam bidang itu.

Dalam apa juga kes, ada pihak yang bersetuju dengan keputusan mahkamah dan ada juga sebaliknya. Kita lihat dalam kes cerai-berai sudahlah. Kalau perempuannya daripada keluarga kita, maka kita akan kata dia tidak bersalah walaupun hakim mahkamah syariah menjatuhkan kesalahan ke atasnya. Begitu jugalah jika yang lelaki itu daripada keluarga kita, mati-mati kita akan berkata pihak perempuan yang membuat angkara. Soalnya, mahkamah mempunyai pertimbangan yang sukar difahami oleh mereka yang tidak mengetahui selok-belok prosedur undang-undang.

Sebagai umat Islam di Amerika, mereka tidak seharusnya terikut-ikut

dengan budaya rakyat negara itu. Banyak perbuatan yang halal di negara itu, sebenarnya haram di banyak negara lain. Banyak nilai dan budaya Amerika tidak sesuai diamalkan di negara Islam lain. Di Amerika, bersekedudukan tanpa nikah adalah perkara biasa dan diterima oleh budaya mereka. Menentang perbuatan itu adalah mempertikaikan hak asasi manusia. Mereka boleh berkahwin dengan kaum sejenis tetapi bagi umat Islam, ia adalah satu perbuatan keji. Kalau setakat bertukar isteri, ia adalah perkara biasa. Kalau mahu terima cara Amerika sebagai amalan hidup, tidak perlu ada undang-undang mahkamah kerana semuanya dibenarkan. Amerika tidak boleh melarang perbuatan luar tabii yang dilakukan oleh rakyatnya. Ini kerana golongan yang melakukan perbuatan itu adalah ramai jumlahnya. Bagi Amerika, golongan itu adalah pengundi mereka. Jika kerajaan Amerika mengharamkan perbuatan itu, rakyat akan membantah dan mengadakan demonstrasi. Kerajaan akan dianggap zalim kerana menyekat kebebasan dan hak asasi rakyat.

Sebagai mewakili umat Islam di Amerika, beranikah ISNA menuntut kerajaan Amerika supaya mengharamkan semua perbuatan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam sebagaimana dilakukan oleh rakyat negara itu? Jika mereka benar-benar memperjuangkan hak manusia, mereka seharusnya berani menyuarkan masalah yang bertentangan dengan norma dan cara hidup manusia di negara itu. Anehnya, disebabkan mereka berada di negara yang mengamalkan sistem sumbang dan luar batasan kemanusiaan itu, mereka tidak membantah apa saja langkah yang dijalankan oleh kerajaan Amerika. Mereka seolah-olah sudah menerima hakikat, apa saja yang berlaku di Amerika adalah baik belaka. Tidak hairanlah jika ada satu keputusan yang menyalahkan perbuatan sumbang yang sering berlaku di Amerika, ia dianggap keputusan yang tidak wajar.

(END)